

SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN
KEPADA PEMOHON SETELAH KELULUSAN DI PEROLEHI

1.	SURAT KELULUSAN	
2.	RESIT BAYARAN	
3.	STICKER @ PELEKAT KELULUSAN	

NO. PINDAAN: 0

TARIKH KUATKUASA:



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

GARISPANDUAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

Garis Panduan

Syarat-Syarat

Jabatan Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan


TARIKH KUATKUASA:

DIKEMASKINI PADA:

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Buku panduan ini menetapkan garis panduan, syarat, kategori bangunan sementara, proses permohonan dan fee proses bagi mendapatkan permit sementara berdasarkan peruntukan **Undang-Undang 19, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1988**.
2. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan lakar berdasarkan senarai semak pelan bangunan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelan yang dikemukakannya.
3. Pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kestabilan dan kekukuhan semua struktur yang dibina. Pihak Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) tidak bertanggungjawab ke atas segala tuntutan, dakwaan atau sebarang tindakan undang-undang yang bersabit dengan bangunan tersebut.
4. Pemilik bangunan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perlesenan dan Perkhidmatan Bandar untuk mendapatkan kelulusan.
5. Kesemua kehendak-kehendak di dalam buku panduan ini tidak boleh dipinda atau diubah dalam segala bentuk sekalipun. Kegagalan mematuhi kehendak ini akan mengakibatkan permit terbatal.
6. Permit yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tahun semasa sahaja. Pemilik hendaklah mengemukakan permohonan baharu bagi tahun yang berikutnya.
7. Pembinaan bangunan adalah di dalam kawasan garis bangunan (*built-up area*) sahaja.
8. Saluran paip buangan dari sinki, hendaklah melalui 'Manhole' tidak terus ke longkang.
9. Majlis berhak membuat pemeriksaan dan pemantauan bangunan tersebut dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN



PANDUAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah memastikan kedudukan bangunan sediaada berdasarkan geran hakmilik terutama ukuran bangunan, ukuran lot, jarak dari sempadan hadapan, belakang dan sisi (jika ada).
2. Pemohon hendaklah menyediakan pelan bangunan berdasarkan senarai semak PPBS06 (borang pemutihan bangunan sementara).
3. Pemohon dikehendaki mengemukakan borang permohonan dan pelan lakar yang telah dilengkapkan berserta dokumen sokongan kepada Bahagian Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Tanjong Malim.
4. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan dokumen berdasarkan senarai semak permohonan
5. Bayaran fee proses hendaklah dijelaskan sebelum permohonan diproses untuk kelulusan.
6. Tempoh pemprosesan kelulusan adalah 7 hari bermula tarikh permohonan lengkap diterima dan surat kelulusan akan diserahkan kepada pemohon berserta dengan pelan lakar yang telah diendoskan.
7. Permit yang diluluskan adalah dalam tempoh setahun iaitu berakhir pada setiap 31 Disember pada tahun semasa, pemohon perlu memperbaharui permit pada tahun berikutnya bermula 1 Januari